



**MAJLIS PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA**  
**(Human Resources Development Council)**  
**TINGKAT 7, WISMA CHASE PERDANA**  
**OFF JALAN SEMANTAN, BUKIT DAMANSARA**  
**50490 KUALA LUMPUR**

Tel : 03-20984800

Fax : 03-20935722

---

## **PEKELILING MAJIKAN BIL. 12/98**

### **PANDUAN PENGGUNA SISTEM SUARA MPSM INFOLINE**

#### **1. TUJUAN**

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan memaklumkan bahawa Majlis akan memperkenalkan Sistem MPSM Infoline yang membolehkan majikan-majikan mendapatkan maklumat terkini seperti baki levi, status permohonan atau tuntutan geran, senarai program latihan yang diluluskan di bawah Skim PROLUS, PERLA atau SBL LULUS melalui sistem telefon. Bersama-sama ini disertakan Panduan Pengguna bagi memudahkan majikan menggunakan sistem telefon MPSM Infoline ini.

#### **2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Pada masa ini, Majlis sering menerima panggilan telefon dari majikan-majikan untuk mengetahui maklumat-maklumat terkini mengenai caruman levi, status permohonan, tuntutan dan sebagainya dan ini tentunya mengambil masa untuk mendapatkan maklumat berkenaan. Pada masa ini, Majlis sering menerima panggilan telefon dari majikan-majikan untuk mengetahui maklumat-maklumat terkini mengenai caruman levi, status permohonan, tuntutan dan sebagainya dan ini tentunya mengambil masa untuk mendapatkan maklumat berkenaan.
- 2.2 Untuk itu, dalam usaha untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan, Majlis telah mewujudkan Sistem MPSM Infoline. Sistem ini dijangkakan akan dapat membantu majikan-majikan untuk mendapatkan maklumat daripada Majlis.

#### **3. PANDUAN PENGGUNA**

- 3.1 Panduan Pengguna MPSM Infoline yang diedarkan bersama Pekeliling ini adalah untuk memberi penerangan dan panduan kepada majikan-majikan menggunakan Sistem Infoline ini. Adalah diharapkan dengan panduan ini, sistem ini akan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh majikan dalam usaha mendapatkan maklumat terkini daripada Majlis. [Panduan Pengguna MPSM Infoline](#) yang diedarkan bersama Pekeliling ini adalah untuk memberi penerangan dan panduan kepada majikan-majikan menggunakan Sistem Infoline ini. Adalah diharapkan dengan panduan ini, sistem ini akan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh majikan dalam usaha mendapatkan maklumat terkini daripada Majlis.

- 3.2 Sebarang masalah penggunaannya bolehlah dikemukakan kepada :

- a) En. Suran bin Haji Mohd Sham - 03-2584811
- b) Pn. Zainon bte Sabar - 03-2584812
- c) Cik Kasmilayanti bte Mohd Kasim - 03-2584813

#### **4. NOMBOR AKAUN DAN KATALALUAN**

4.1 Untuk memenuhi kehendak ciri-ciri keselamatan, setiap majikan akan dibekalkan dengan nombor akaun dan katalaluan (secara berasingan), di mana, kedua-dua nombor tersebut hendaklah disimpan dengan sempurna oleh setiap majikan.

#### **5. PENUTUP**

Pekeliling Majikan Bil 12/98 ini berkuatkuasa pada 01hb. Januari, 1999.

Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**

**" LATIHAN TERANCANG TUNGGAK KECEMERLANGAN "**

Saya yang menurut perintah,

(RUSNAN BIN SAMAD)

Pengarah Geran Latihan,

b.p. Ketua Pengarah, Majlis Pembangunan Sumber Manusia.

